

31/03/1998

Keputusan mengejut di Rasah, Jelebu

Ziauddin Sharuddin

SEREMBAN, Isnin - Semua tujuh Umno bahagian di negeri ini menyelesaikan urusan pemilihan kepemimpinan bahagian dengan Umno bahagian Tampin paling akhir semalam.

Daripada tujuh bahagian, hanya bahagian Rasah dan Jelebu mencatatkan keputusan mengejut apabila ketua bahagian berkenaan gagal mempertahankan jawatan masing-masing.

Di Rasah, Speaker Dewan Undangan Negeri (Dun) yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Rantau, Datuk Hamdan Mohamed, adalah ketua bahagian pertama gagal mempertahankan jawatan.

Hamdan mendapat 131 undi tewas kepada ketua Umno cawangan Rantau, Mohamed Hasan yang mendapat 181 undi.

Kekalahan dengan perbezaan 50 undi itu menyebabkan Hamdan memimpin Umno bahagian Rasah hanya sepinggal.

Beliau sebelum itu timbalan ketua bahagian mengambil alih jawatan ketua bahagian selepas Speaker Dun, Allahyarham Datuk Shahardin Hashim, meninggal dunia.

Kejutan kedua berlaku di bahagian Jelebu, apabila Adun Klawang yang juga anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), Datuk Shamsul Bahari Mat tewas.

Shamsul Bahari tewas kepada Ahli Parlimen Jelebu, Yunus Rahmat dengan perbezaan sembilan undi. Shamsul Bahari mendapat 112 undi manakala Yunus, 121 undi.

Berdasarkan kemampuan menewaskan Shamsul Bahari, Yunus yang juga Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan dianggap sebagai 'giant killer' dalam arena politik negeri.

Empat ketua bahagian, iaitu Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad (Telok Kemang), Datuk Lilah Yasin (Jempol), Datuk Abu Zahar Ujang (Kuala Pilah) dan Datuk Ishak Ismail (Seremban) menang tanpa bertanding.

Daripada empat ketua bahagian berkenaan, Mohd Isa dan Lilah menganggotai pentadbiran kerajaan negeri sebagai Menteri Besar dan anggota Exco. Abu Zahar adalah Ahli Parlimen Kuala Pilah, manakala Ishak adalah Adun Lenggeng.

Dalam pertandingan terakhir di Tampin semalam, Adun Gemencheh yang juga anggota Exco, Datuk Waad Mansor, mempertahankan jawatan ketua bahagian menewaskan Ahli Parlimen Tampin, Datuk Mohd Noh Rajab.

Waad menang dengan majoriti selesa, apabila mendapat 239 undi manakala Mohd Noh yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, 89 undi.

Selain Menteri Besar, pentadbiran kerajaan negeri dianggotai lapan anggota Exco dan lima adalah daripada Umno.

Daripada lima anggota Exco Umno, dua tidak terbabit dalam pertandingan ketua bahagian, iaitu Datuk Darus Salim Bulin dan Datuk Napsiah Omar masing-masing sebagai Ketua Penerangan Umno Kuala Pilah dan Ketua Wanita Umno Kuala Pilah.

Pemilihan Umno bahagian dianggap penting kerana biasanya yang menang sebagai ketua, timbalan dan naib dipilih bertanding dalam pilihan raya umum, sama ada peringkat Dun atau Parlimen dan bergelar 'Yang Berhormat' atau 'YB'.

Sebagai contoh dalam pilihan raya umum 1995, penyandang jawatan ketua, timbalan dan naib di Umno bahagian Jelebu, Tampin dan Telok Kemang dipilih bertanding. Semua menang.

Di bahagian lain tidak sepenuhnya. Ini kerana selain diisi calon parti komponen Barisan Nasional (BN), turut ditandingi calon Pergerakan Wanita Umno seperti Napsiah di Dun Pilah dan Dermataksiah Abdul Jalil di Dun Ampangan.

Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan pertandingan yang berlaku sedikit sebanyak melonggarkan kekukuhan perpaduan Umno bahagian.

Bagaimanapun, ada baiknya yang menang dan kalah merenung pesanan Presiden Umno yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk mengelakkan musibah yang lebih besar berlaku dalam pilihan raya umum akan datang.

Katanya, yang menang tidak menang semua dan yang kalah juga tidak kalah semua.

Apalah guna menang besar dalam Umno, jika kelonggaran ikatan perpaduan akibat pertandingan peringkat bahagian menyebabkan ada pihak yang menjadi 'gunting dalam lipatan' dan 'musuh dalam selimut'.

Golongan ini sanggup menyokong calon parti pembangkang untuk mengalahkan calon Umno.

Menang dalam pilihan raya umum adalah lebih penting kerana yang menang akan membentuk kerajaan dan mentadbir negara.

Calon yang menang dalam pemilihan Umno bahagian juga perlu sentiasa ingat, mereka dipilih untuk berkhidmat kepada parti, bangsa dan agama.

Ini penting supaya mereka kelak tidak ada yang 'lupa daratan' dan akhirnya diketepikan dalam pemilihan bahagian akan datang kerana melupakan golongan akar umbi.

(END)